

Larian PPUMCare tampung kos rawatan

Seramai 895,748 pesakit dirawat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada 2021.

Bagaimanapun, berdasarkan statistik terdapat sebahagian pesakit PPUM yang kurang berkemampuan untuk menampung kos rawatan mereka.

Oleh itu, PPUM mengambil inisiatif menubuhkan tabung khas untuk membantu golongan berkenaan.

Pada awal penubuhan pada Jun 1978, tabung ini dikenali sebagai Tabung Kebajikan Pesakit.

Bantuan diberikan terbuka kepada semua pesakit PPUM yang terdiri daripada warganegara Malaysia, tanpa mengira latar belakang, namun masih terdapat beberapa kriteria saringan perlu dipatuhi.

Kemudian, tabung ini melalui penjenamaan semula dan pada 2014, dinamakan sebagai Tabung PPUMCare.

Terdapat beberapa jenis bantuan diberikan, antaranya bantuan pembelian peralatan perubatan dan implan, bantuan ubat khas dan

ujian serta prosedur rawatan khas.

Pelbagai usaha lain dijalankan bagi menjana dana tabung ini agar terus kekal relevan dalam memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Jawatankuasa mengendalikan tabung ini turut menganjurkan beberapa aktiviti di antaranya penganjuran PPUMCare Run, pada 2018 yang diadakan sempena Sambutan Jubli Emas, ulang tahun ke-50 penubuhan PPUM.

Larian ini berjaya

menarik seramai 1,200 peserta dengan dana terkumpul untuk Tabung PPUMCare ialah RM 40,000.

Tahun ini, larian PPUMCare akan diadakan pada 28 Ogos di UM Arena, Universiti Malaya, dengan tujuan sama iaitu membantu dan menampung kos perawatan pesakit yang kurang berkemampuan.

Jumlah kutipan dana disasarkan ialah RM500,000, melalui tajaan badan korporat dan kutipan yuran penyertaan, kira-kira 1,500 peserta.

Penetapan sasaran ini,

selari dengan sumbangan kepada pesakit apabila pada 2021, dana sebanyak RM3.74 juta, disalurkan kepada 1,089 pesakit.

Terdapat dua kategori larian dipertandingkan iaitu kategori individu membabitkan jarak larian sejauh lima kilometer (km).

Kategori kedua adalah kategori keluarga iaitu dua dewasa dan dua kanak-kanak yang melibatkan jarak larian sejauh 3km.

Pendaftaran penyertaan larian amal ini boleh dilakukan melalui platform Checkpoint Spot Asia dengan yuran penyertaan

serendah RM60 seorang bagi kategori individu dan RM220 (penyertaan kategori keluarga).

Penganjur juga menyediakan pakej tajaan menarik bagi pihak yang berminat untuk menjadi penaja kepada acara larian amal ini.

Pakej Platinum adalah pakej tajaan premium membabitkan nilai tajaan tunai RM100,000 selain beberapa pakej lain seperti emas, perak dan gangsa, yang masing-masing membabitkan nilai tajaan tunai bernilai RM50,000, RM30,000 serta RM10,000.